



# Pendigitalan tingkat kecekapan penyampaian perkhidmatan awam

⌚ 2021-11-01T12:26:11+08:00



Len Taliff mewakili ketua menteri menyempurnakan majlis perasmian Hari Integriti SFC hari ini. Turut kelihatan (dari kiri) Mohd Zaki dan Zolkipli. - Gambar UKAS

KUCHING: Perkhidmatan awam Sarawak kini giat melaksanakan transformasi pendigitalan ke arah pentadbiran kerajaan bertaraf dunia.

Ketua Menteri Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg berkata objektif transformasi pendigitalan ini ialah mengubah cara kerajaan beroperasi bagi memperkuatkan lagi sistem penyampaian untuk manfaat rakyat.

"Untuk mencapai taraf berkelas dunia dalam perkhidmatan kita, integriti dan kebertanggungjawaban sebahagian daripada penyampaian perkhidmatan dan pelaksanaan tugas.

"Sistem penyampaian kita, jika mahu berkelas dunia, tidak boleh tanpa elemen ketelusan dan tadbir urus yang baik," katanya.

Beliau berkata demikian dalam teks ucapan yang dibaca Menteri Muda Pembangunan Bandar, Pentadbiran Tanah dan Alam Sekitar, Datu Len Talif Salleh pada majlis perasmian Hari Integriti SFC (Sarawak Forestry Corporation) di Pusat Konvensyen Borneo Kuching, hari ini.

Abang Johari berkata dalam konteks organisasi pula budaya integriti yang tinggi kondusif bagi membuat keputusan lebih baik dalam kalangan pekerja untuk kepentingan jangka panjang organisasi.

Ia katanya akan mewujudkan persekitaran kepercayaan dalam kalangan pekerja, elemen sangat penting untuk kerja berpasukan, mengurangkan kesilapan berkos tinggi, perbalahan dan kelewatan.

"Ini mewujudkan perniagaan bijak, suatu yang sangat penting untuk organisasi berkembang maju," katanya.

Abang Johari berkata orang ramai sering menganggap sektor kerajaan sangat terdedah kepada amalan rasuah dalam ekonomi mana-mana negara terutamanya yang sedang membangun.

Justeru ujarnya, usaha memerangi rasuah tidak harus dipandang ringan kerana ia merupakan penyakit yang boleh memusnahkan ekonomi negara jika tidak diperbaiki.

"Ia boleh menyebabkan ketirisan dana awam, gagal menarik pelaburan asing, mengurangkan hasil ekonomi pelaburan dan apatah lagi impaknya ke atas keselamatan serta kesihatan awam," tegasnya.

Mengenai Hari Integriti SFC 2021, Abang Johari berkata program dua hari itu yang membincangkan pelbagai topik berkaitan pentadbiran kerajaan dan sistem penyampaian memastikan badan berkanun mempunyai prosedur mencukupi bagi mencegah rasuah dan salah guna kuasa.

"Saya memuji usaha SFC yang komited ke arah sebuah organisasi bebas rasuah bertaraf dunia. Saya amat berharap SFC akan terus memikul tanggungjawab untuk melaksanakan semua inisiatif dalam Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) dan memastikan organisasi mematuhi prosedur serta kerangka kerja integriti.

"Saya juga amat berharap semua warga SFC akan memberi sepenuhnya komitmen mereka terhadap usaha murni ini untuk memastikan kejayaan program yang julung kali ini," katanya.

Hadir sama Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Zolkigli Mohamad Aton dan Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Sarawak, Mohd Zaki Hassan.